

Pegawai kanan kerajaan Pas cuba ambil alih tugas khatib

UM 17 AUG 2002

KUALA TERENGGANU 16 Ogos - Seorang pegawai kanan kerajaan Pas Terengganu hari ini cuba mengambil alih tugas sebagai khatib dan imam semasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menunaikan solat Jumaat di Masjid Kampung Losong Haji Mat Shafie di sini.

Pegawai kanan berkenaan dengan dibantu beberapa individu dikatakan telah mendesak untuk menggantikan khatib tetap masjid tersebut bagi membaca khutbah dan mengimamkan sembahyang Jumaat.

Bagaimanapun, kejadian itu dapat diselesaikan dengan baik apabila khatib tetap masjid itu, Muhammad Abu Bakar meneruskan tugas membaca khutbah Jumaat manakala pegawai kanan bergelar 'datuk' tersebut menjadi imam.

Sebelum itu, pegawai kanan Pas berkenaan dinasihatkan oleh setiausaha ahli jawatankuasa masjid tersebut, Datuk Ghazali Ahmad agar tidak berbuat demikian bagi menghormati kehadiran Perdana Menteri di masjid tersebut.

Perdana Menteri ketika mengulas kejadian itu berkata, beliau amat sedih dengan apa yang berlaku hari ini kerana ia tidak sepatutnya berlaku di kalangan masyarakat Islam di negara ini terutama di masjid yang merupakan tempat untuk orang Islam beribadat.

"Hari ini saya bersyukur kerana dapat sembahyang Jumaat di Masjid Losong. Apabila dengar saya nak pergi sembahyang di situ, orang Pas ini cuba nak menyampaikan khutbah sebabnya ialah supaya dapat memburuk-burukkan tetamu yang datang di masjid itu," katanya.

Perdana Menteri menyatakan kekesalannya ketika berucap pada majlis penyerahan kunci serta penyerahan surat tawaran projek perumahan keluarga nelayan Terengganu di Kampung Tok Jembal di sini.

Khutbah

Dr. Mahathir dan pemimpin-pemimpin UMNO menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Losong Haji Mat Shafie selepas majlis perasmian konvensyen Barisan Nasional (BN) Terengganu dan perjumpaan pemimpin bersama rakyat di Marang, dekat sini.

"Tak berjaya nak jadi khatib, tak berjaya nak menyampaikan khutbah, dia berebut untuk jadi imam tetapi kita orang UMNO terima, kita tidak tolak imam Pas. Kalau dia jadi imam, kita sembahyang di belakang imam kerana ini adalah ajaran agama kita," kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata sikap orang UMNO yang boleh menerima imam daripada kalangan anggota Pas, berbeza dengan pengikut parti pembangkang itu yang sanggup mengasingkan orang Islam dan tidak menerima imam yang dilantik oleh kerajaan.

Menurut beliau, masjid sebenarnya tempat orang Islam berkumpul dan menjalin persaudaraan serta merapatkan hubungan sesama umat Islam, dan bukannya tempat untuk berperang atau berkelahi sesama Islam.

"Saya nak tanya Pas di mana dia belajar bahawa masjid adalah tempat orang Islam berperang?"

"Tetapi inilah yang dilakukan oleh Pas dengan dua imamnya dan percubaan hari ini untuk merebut tempat nak jadi khatib nak menyampaikan khutbah sedangkan sudah ada khatib di situ," katanya.

Campurtangan

Beliau berkata sikap mengasingkan diri dan sembahyang di belakang imam masing-masing bukannya ajaran Islam tetapi adalah ajaran Pas sebagai satu cara untuk memecah belahkan orang Islam.

Ketika diminta mengulas lanjut mengenai kejadian itu pada sidang akhbar selepas majlis di Kampung Tok Jembal itu, Perdana Menteri berkata sebenarnya imam yang bertugas untuk sembahyang Jumaat pada hari ini telah ada dan oleh itu kejadian itu tidak sepatutnya berlaku.

"Orang Islam tidak eloklah membuat begini, jadual bertugas telah pun ada. Saya berasa sedih kenapa ada rebutan.

"Tak eloklah kalau berebut-rebut. Orang yang datang ini sebab dia selalu pergi sembahyang di situ, kenapa hari ini tiba-tiba dia nak jadi imam.

"Yang ini saya tak faham, berebut ini sebab apa, kita orang Islam, kita tak boleh membuat tindakan macam itu," katanya.

Pada perkembangan yang sama, Ghazali ketika dihubungi mengesahkan bahawa dalam perbincangannya dengan pegawai kanan Pas itu, beliau tetap bertegas untuk menjadi khatib dan imam atas alasan ia kuasa kerajaan negeri.

Kata beliau, pegawai kanan itu akhirnya membatalkan hasrat untuk menjadi khatib berikutan campurtangan polis kerana bimbang suasana akan menjadi tegang dan menimbulkan kekecohan.

"Selepas khatib membaca khutbah, dia terus ke tempat imam sebelum sempat khatib (Muhammad) turun dari mimbar untuk mengimamkan solat Jumaat hari ini.

"Bagi saya tindakan beliau itu semata-mata mahu menimbulkan provokasi sempena kehadiran Perdana Menteri ke masjid ini tetapi alhamdulillah ia tidak menjejaskan suasana," katanya.